

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN  
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN  
KOD KURSUS : DAC 31802  
PROGRAM : 3 DAA  
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2014  
MASA : 2 JAM 30 MINIT  
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT

**SULIT**

- S1** Tawaran merupakan suatu proses mendapatkan kontraktor yang berkebolehan melaksanakan kerja mengikut kos, masa dan syarat-syarat kontrak. Jawab soalan-soalan berikut
- (a) Terangkan maksud Tender Terbuka dan Tender Perundingan. (10 markah)
  - (b) Jelaskan **tiga (3)** faktor yang perlu dipertimbangkan dalam memilih kontraktor yang berkebolehan. (9 markah)
  - (c) Takrifkan istilah berikut
    - (i) Iklan tender (2 markah)
    - (ii) Dokumen meja tender (2 markah)
    - (iii) Tempoh sah laku tender (2 markah)
- S2**
- (a) Untuk memastikan sesuatu kontrak itu boleh dilaksanakan, terdapat **lapan (8)** elemen yang perlu wujud. Kenalpasti dan terangkan **lima (5)** daripada elemen tersebut. (10 markah)
  - (b) Dalam pelaksanaan projek pembinaan, terdapat beberapa perolehan yang boleh digunakan. Kaedah perolehan yang dipilih akan menentukan jenis kontrak dalam pentadbiran sesebuah projek pembinaan.
    - (i) Bezakan ciri-ciri kontrak tradisional dan kontrak reka dan bina. (10 markah)
    - (ii) Terangkan maksud kontrak secara pukal (*lump sum contract*) dan berikan **dua (2)** jenis kontrak di bawah kategori ini. (5 markah)
- S3**
- (a) Kenalpasti dan jelaskan **tiga (3)** kepentingan kontrak dalam industri pembinaan. (9 markah)
  - (b) Semasa projek pembinaan sedang dijalankan, Pegawai Penguasa (PP) mempunyai kuasa untuk memberi arahan perubahan kerja.
    - (i) Apakah yang dimaksudkan dengan perubahan kerja mengikut Fasal 24 Borang Kontrak JKR 203 (A) (4 markah)

- (ii) Anda merupakan penyelia di sebuah tapak bina. PP telah mengeluarkan arahan perubahan secara lisan ketika pemeriksaan tapak bina berjalan. Sebagai penyelia, terangkan tindakan seterusnya yang perlu dilakukan bagi memenuhi arahan tersebut?

(4 markah)

- (c) Berikut merupakan Fasal 28.2 Borang Kontrak JKR 203 (A) berkaitan Bayaran Kepada Kontraktor. Huraikan maksud fasal tersebut.

*“Thereafter, once (or more often at the discretion of the S.O.) during the course of each succeeding month the S.O. shall make a valuation of the works properly executed and of unfixed materials and goods delivered to or adjacent to the Site, provided the total value of work properly executed and the value of unfixed materials and goods as specified in clause 28.4 hereof, delivered to the Site intended for incorporation into the Works in each subsequent valuation shall not be less than the sum referred to in Appendix”*

(8 markah)

- S4 (a) Terangkan kaedah anggaran kos berikut;

(i) Kaedah isipadu

(3 markah)

(ii) Kaedah luas lantai

(3 markah)

(iii) Kaedah penilaian unit

(3 markah)

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan angkatap buruh dan kepentingannya dalam penyediaan kadar harga.

(6 markah)

- (c) Sebuah parit tanah akan digali sekeliling bangunan kecil dengan menggunakan tangan. Berdasarkan maklumat di S4, kirakan kos kerja penggalian parit **satu meter padu (1m<sup>3</sup>)** tanah liat tidak melebihi 2.0m, angkut dan buang jauhnya tidak melebihi 50 meter dari tapak binaan.

(10 markah)

**S4 : Maklumat kos**

<b><u>Maklumat</u></b>	
<b><u>Kerja penggalian</u></b>	
Penggalian asas pad tidak melebihi 1.0m dalam	3.50jam/m <sup>3</sup>
Penggalian asas pad tidak melebihi 2.0m dalam	4.50jam/m <sup>3</sup>
Penggalian peparit tidak melebihi 1.0m dalam	2.75jam/m <sup>3</sup>
Penggalian peparit tidak melebihi 2.0m dalam	4.00jam/m <sup>3</sup>
<b><u>Pembuangan Tanah</u></b>	
Memuat, mengangkut dan membuang	1.50jam/m <sup>3</sup>
Memuat, mengangkut, menyimpan, menyelerak dan merata tanah	2.00jam/m <sup>3</sup>
<b><u>Kegemburan tanah</u></b>	
Tanah biasa	25%
Tanah liat	20%
<b><u>Upah Buruh</u></b>	
1) Pekerja Mahir	- RM 60/hari
2) Buruh Am	- RM 40/hari
Pengurusan dan keuntungan	- 20%
Pembaziran	- 5%

**S5** Terangkan perkara-perkara berikut

- |   |            |
|---|------------|
| (a) Bon pelaksanaan                     | (5 markah) |
| (b) Wang kos prima                      | (5 markah) |
| (c) Kelewatan dan lanjutan masa         | (5 markah) |
| (d) Bahan atau barang-barang tak pasang | (5 markah) |
| (e) Sub kontraktor dinamakan            | (5 markah) |

**-SOALAN TAMAT-**